

# KEPIMPINAN MUFTI HARUSSANI DALAM INSTITUSI KELUARGA: ANALISIS PENDIDIKAN KERJAYA

## ***MUFTI HARUSSANI'S LEADERSHIP IN FAMILY INSTITUTIONS: AN ANALYSIS OF CAREER EDUCATION***

Muhammad Mustaqim bin Roslan

Fakulti Pengajian Islam dan Sains Sosial, Universiti Sultan Azlan Shah, Bukit Chandan,  
33000 Kuala Kangsar, Perak, Malaysia

[muhd.mustaqim@usas.edu.my](mailto:muhd.mustaqim@usas.edu.my)

**Published:** 27 April 2024

**To cite this article (APA):** Roslan, M. M. (2024). Mufti Harussani's Leadership in Family Institutions: An Analysis of Career Education. *Firdaus Journal*, 4(1), 34–43.  
<https://doi.org/10.37134/firdaus.vol4.1.4.2024>

**To link to this article:** <https://doi.org/10.37134/firdaus.vol4.1.4.2024>

### **Abstrak**

Harussani Zakaria merupakan salah seorang bekas mufti yang cukup terkenal di negeri Perak Darul Ridzuan. Kehebatan tokoh ini tidak dapat disangkal lagi apabila beliau telah menerima anugerah Tokoh Ulama Sepanjang Zaman yang diumumkan dalam Majlis Perdana Ulama-Umara dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) Islam pada tahun 2017. Di samping kesibukan mufti Harussani dalam memimpin hal ehwal agama di negeri Perak, beliau juga tidak terlepas dalam memimpin ahli keluarganya yang menjadi tanggungjawab dan amanah pada setiap ketua keluarga. Oleh yang demikian, kajian ini bermatlamat untuk menganalisis kepimpinan mufti Harussani dalam institusi keluarga khususnya dalam skop pendidikan kerjaya. Kajian ini mengadaptasikan reka bentuk kualitatif dengan kaedah pengumpulan data adalah kombinasi teknik analisis kandungan dokumen dan temu bual soalan separa berstruktur. Kaedah analisis kandungan dokumen digunakan sekali lagi dalam analisis data yang mana hasilnya dikategorikan mengikut kaedah tematik. Hasil dapatkan menunjukkan bahawa terdapat tiga ciri kepimpinan terhadap pendidikan kerjaya yang telah diterapkan oleh mufti Harussani dalam institusi keluarga iaitu, tidak mengongkong kerjaya anak-anak, bimbingan dan dorangan dalam kerjaya dan mengambil berat terhadap kerjaya anak-anak. Kajian lanjutan diperlukan bagi melihat sifat kepimpinan mufti Harussani dalam skop yang lain agar dapat dijadikan tauladan yang berguna kepada masyarakat umumnya.

**Kata kunci:** institusi keluarga, kepimpinan, mufti Harussani, pendidikan, Perak Darul Ridzuan.

## **ABSTRACT**

*Harussani Zakaria is one of the famous former muftis in the state of Perak Darul Ridzuan. The greatness of this figure cannot be denied anymore when he received the Tokoh Ulama Sepang Zaman award which was announced at the Prime Ministerial Council of Ulama-Umara and Islamic Non-Governmental Organizations (NGOs) in 2017. In addition to the busyness of mufti Harussani in leading religious affairs in the state of Perak, he also did not miss out on leading his family members which is the responsibility and trust of every family head. Therefore, this study aims to analyze the leadership of mufti Harussani in family institutions, especially in the scope of career education. This study adopts a qualitative design with a data collection method that is a combination of document content analysis techniques and semi-structured question interviews. Document content analysis methods are used again in data analysis where the results are categorized according to thematic methods. The findings show that there are three characteristics of leadership towards career education that have been applied by mufti Harussani in family institutions, namely, not interfering with children's careers, guidance and encouragement in careers and taking care of children's careers. Further research is needed to see the nature of mufti Harussani's leadership in other scopes so that it can be used as a useful example for the general public.*

**Keywords:** *family institutions, leadership, mufti Harussani, education, Perak Darul Ridzuan.*

## **PENDAHULUAN**

Menurut Kamus Dewan Bahasa & Pustaka (2015), kepimpinan adalah merujuk kepada keupayaan, kebolehan, pencapaian dan sebagainya. Ia juga merupakan satu sifat memimpin yang melibatkan proses merancang, menguatkuaskan, membimbing dan lain-lain. Takrifan ini turut disokong oleh Mahyudin (2018) yang menyatakan bahawa memimpin itu melibatkan proses merancang, menguatkuaskan, membimbing, mentadbir dan sebagainya untuk mencapai matlamat melalui aturan syariat yang telah ditetapkan oleh Allah SWT. Eddy (2013) menukilkan bahawa, hanya pemimpin yang menjalankan tugas dengan cekap dan sempurna atau bersifat kompeten sahaja akan mendapat pencapaian yang efektif melalui kepimpinannya. Ia memerlukan individu-individu yang cekap dan bertanggungjawab dalam menggalas kerja-kerja sebagai pemimpin kerana pemimpin ialah orang yang selayaknya dipilih untuk diberikan amanah. Ia bertepatan dengan hadis Nabi SAW yang bermaksud:

*"Setiap kamu adalah pemimpin dan setiap kamu bertanggungjawab dengan apa yang dipimpin. Maka seorang Imam adalah pemimpin dan dia bertanggungjawab, seorang suami pemimpin kepada ahli keluarganya dan dia bertanggungjawab, dan isteri adalah pemimpin yang bertanggungjawab terhadap rumah suaminya. Dan hamba adalah pemimpin dan bertanggungjawab kepada harta tuannya. Sesungguh setiap kamu adalah pemimpin dan setiap pemimpin adalah bertanggungjawab" (H.R. Al-Bukhari: 2278)*

Institusi hal ehwal agama Islam di Malaysia juga turut tidak terlepas daripada individu-individu yang dipertanggungjawabkan untuk memimpin organisasinya. Mufti-mufti agama termasuklah di negeri Perak Darul Ridzuan adalah merupakan pemimpin agama yang membantu dan menasihati Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Sultan dan kerajaan negeri dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan hal ehwal hukum syarak (Jabatan Mufti Negeri Perak, 2023). Selain itu juga, kepimpinan mufti adalah sangat penting dalam institusi agama bagi menyelesaikan segala permasalahan baharu yang muncul terutamanya pada masa kini. Harussani Zakaria merupakan salah seorang bekas mufti yang cukup terkenal di negeri Perak Darul Ridzuan. Perkhidmatan beliau sebagai mufti Perak adalah mencecah hampir 40 tahun lamanya bermula perlantikannya pada tahun 1985 hingga beliau meninggal dunia pada tahun 2021 (Zulsyamini, 2021). Kehebatan tokoh ini tidak dapat disangkal lagi apabila beliau

telah menerima anugerah Tokoh Ulama Sepanjang Zaman yang diumumkan dalam Majlis Perdana Ulama-Umara dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) Islam (Harian Metro, 2017).

Kepimpinan mufti Harussani jelas terlihat dalam bidang profesionalnya menerusi setiap hasil kerja yang telah beliau jalankan. Kepekaan dan kewibawaan yang wujud dalam dirinya menjadi sumber inspirasi masyarakat khususnya yang beragama Islam. Di samping kesibukan mufti Harussani dalam memimpin hal ehwal agama di negeri Perak, beliau juga tidak terlepas dalam memimpin ahli keluarganya yang menjadi tanggungjawab dan amanah pada setiap ketua keluarga. Hal ini menimbulkan persoalan kepada pengkaji tentang bagaimanakah sifat kepimpinan yang diterapkan oleh mufti Harussani dalam memimpin keluarganya di samping kesibukan beliau dalam memimpin hal ehwal agama Islam di negeri Perak. Kajian ini adalah sangat signifikan agar ia dapat memberikan pencerahan terhadap pembaca tentang sifat kepimpinan dalam institusi keluarga yang dipimpin oleh sosok tubuh yang dikagumi ini. Oleh yang demikian, kajian ini bermatlamat untuk menganalisis kepimpinan mufti Harussani dalam institusi keluarga khususnya dalam skop pendidikan kerjaya. Skop pendidikan ini dipilih kerana ia merupakan perkara terpenting dalam menjamin kelestarian institusi sesebuah keluarga yang kondusif dan harmoni. Selain itu juga, aspek pendidikan merupakan wadah utama yang dituntut dalam agama selari dengan firman Allah SWT dalam surah al-'Alaq, ayat 1 yang bermaksud:

*"Bacalah (wahai Muhammad) dengan nama Tuhanmu yang menciptakan (sekalian makhluk)"*  
(Q.S. Al-'Alaq: 96: 1)

## SOROTAN KAJIAN

Sorotan kajian atau sinonim dengan analisis pembacaan merupakan ulasan kepustakaan yang diambil daripada pelbagai sumber rujukan seperti tesis, disertasi, artikel jurnal, kertas persidangan dan sebagainya. Ia bertujuan untuk memadankan atau membezakan penulisan dan kajian lepas dengan kajian yang sedang dijalankan, di samping untuk mencari *gap in knowledge* atau ruangan antara aspek-aspek yang telah dan belum dikaji (Ghazali Darusalam & Sufean Hussin, 2021). Oleh yang demikian, kajian ini telah menggunakan pendekatan *Narrative Review* dalam menghuraikan sorotan kajian-kajian lepas yang telah dikaji. Kajian ini memulakan dengan sorotan kajian Kamarudin Salleh dan Nurul Athirah Mohamad Anuar (2022) yang bertajuk "*Pemikiran Islam (Allahyarham) Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Haji Harussani Bin Haji Zakaria*". Kajian ini mengadaptasikan reka bentuk kualitatif dan bertujuan untuk meneroka dan mengkaji secara terperinci tentang pemikiran kritis dan pandangan Harussani Zakaria tentang cabaran pemikiran dan pembangunan Islam di Malaysia. Kajian ini terdapat jurang yang paling hampir dengan kajian yang sedang dijalankan pengkaji iaitu mengkaji tentang ketokohan mufti Harussani. Namun pendekatannya adalah berbeza kerana ia lebih tertumpu kepada pemikiran Islam beliau dalam bermasyarakat dan tidaklah berfokus kepada kepimpinan keluarga. Oleh yang demikian, kajian ini sangat signifikan untuk dikaji bagi menganalisis kepimpinan mufti Harussani terhadap pendidikan kerjaya dalam institusi keluarga.

Seterusnya adalah kajian yang turut disoroti pengkaji berjudul "*Hubungan Antara Keterlibatan Ayah dengan Pembentukan Karakter pada Remaja*" oleh Widya Lestari, Sitti Nursetiawati dan Vera Utami (2015). Kajian ini bertujuan untuk melihat sejauh mana karakter seorang bapa itu mampu membentuk dan membina anak-anak sedari usia dini. Jurang kajian ini adalah agak besar kerana ia lebih tertumpu kepada hubungan karakter ayah dengan anak dalam sesebuah keluarga dan bukanlah berfokus kepada sifat kepimpinan seseorang tokoh. Sungguhpun kajian ini turut membincangkan berkaitan dengan institusi keluarga dan bapa dijadikan sampel utama dalam kajian ini, namun pendekatannya digunakan adalah berbeza kerana kajian ini telah mengadaptasikan pendekatan kuantitatif dalam kajian mereka dan bukanlah kualitatif. Tambahan lagi, skop bapa yang dijadikan sampel adalah begitu besar seramai 169 sampel, manakala kajian ini adalah berfokus kepada seorang sampel

sahaja. Oleh yang demikian, ia membuka ruang kajian baharu untuk dijalankan sebagai nilai tambah dalam dunia penyelidikan dengan bertambahnya literatur daripada kajian ini.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Metodologi kajian adalah merujuk kepada cara, kaedah dan pendekatan yang digunakan untuk memastikan objektif dan matlamat kajian tercapai. Oleh itu, kajian ini telah mengatur metodologi kajian dan strategi-strategi yang digunakan untuk mendapatkan maklumat dan data melalui tiga pendekatan iaitu, reka bentuk kajian, kaedah pengumpulan data dan kaedah analisis data (Mustaqim Roslan, 2023). Kajian ini mengadaptasikan reka bentuk kualitatif dengan menggunakan kaedah temu bual separa berstruktur untuk mendapatkan data kajian. Seorang ahli keluarga yang merupakan anak kepada mufti Harussani iaitu Ahmad Wafi Harussani dijadikan sampel kajian. Keakraban dengan bapa beliau menjadi justifikasi kuat pengkaji dalam mendapatkan data-data primer sebelum dianalisis. Dalam kajian kualitatif, bilangan responden yang ditemu bual bukan menjadi isu utama kerana tidak ada satu peraturan khusus yang boleh digunakan dalam menentukan saiz sampel (Patton, 2002). Hal ini kerana kajian kualitatif bukan untuk membuat generalisasi kepada populasi kajian tetapi lebih kepada meneroka secara mendalam fenomena yang dikaji (Creswell, 2002).

Selain daripada itu juga, kaedah analisis kandungan dokumen turut digunakan dalam mengumpul dan menganalisis data yang mana hasilnya dihuraikan mengikut kaedah tematik. Terdapat lima komponen yang disusun atur dalam menganalisis data dengan menggunakan kaedah tematik ini iaitu dimulai dengan penulisan transkrip secara *varbatim*, pengagihan data mengikut persoalan kajian, pengkategorian isi kandungan data, membina tema kajian dan membuat koding data (Mustaqim Roslan, 2023). Gabungan dua kaedah pengumpulan data dalam kajian ini bertujuan agar data-data yang dikumpulkan adalah mencapai tahap *validity* iaitu kesahan data bagi menjawab objektif dan persoalan kajian. Hal ini menunjukkan bahawa kajian ini telah menggunakan teknik triangulasi dengan menggabungkan dua atau lebih kaedah dalam kutipan data untuk mengkaji tingkah laku manusia (Cohen, Manion & Morisson, 2000). Oleh yang demikian, secara dasarnya kajian ini telah menggunakan dua jenis data iaitu data primer dan sekunder. Data primer adalah merujuk kepada data temu bual yang diperoleh daripada sesi wawancara yang dilakukan, manakala data sekunder adalah diperoleh daripada buku-buku, kajian-kajian pascasiswazah, artikel-artikel jurnal dan kertas-kertas persidangan.

## **Latar Belakang Mufti Harussani**

Mufti Harussani atau nama penuhnya ialah Harussani bin Zakaria dilahirkan pada tanggal 8 April 1939 di kampung Parit Tok Ngah, Perak Darul Ridzuan. Menurut Ahmad Wafi (2023), Mufti Harussani merupakan anak bongsu dalam keluarganya dan beliau bersekolah rendah di sekolah Melayu Kampung Kedah, Parit Buntar dan bersekolah menengah di Anglo Chinese School, Parit Buntar, Perak. Ketika mufti Harussani berumur 17 tahun, beliau terdetik untuk mempelajari ilmu agama dengan mendalam. Mufti Harussani tekad dengan hasratnya untuk menyambung pengajian di Madrasah Idrisiah Kuala Kangsar, Perak. Hal ini merupakan zaman kegemilangan Madrasah Idrisiah kerana berjaya melahirkan ramai tokoh Islam yang disegani antaranya ialah mufti negeri Perak iaitu, Harussani sendiri pada ketika itu. Menurut Kamaruddin Salleh & Nurul Athirah Mohd Anuar (2022), beliau adalah seorang yang bijak dan tegas dalam apa jua yang dilakukan dan inilah antara sifat kepimpinan yang mula terserlah sebelum beliau dilantik sebagai mufti. Atas kepercayaan kerajaan negeri pada satu ketika dahulu, mufti Harussani pernah dilantik sebagai Kadi di Pulau Pinang. Setelah itu, beliau dilantik sebagai mufti Perak kelapan bagi memperhalusi hal ehwal agama Islam di negeri itu atas perkenan DYMM Tuanku Perak.

Mufti Harussani adalah seorang mufti yang berjiwa kepimpinan dan tegas dalam berbicara. Walaupun pandangan beliau kadang-kala sedikit berbeza dengan sebahagian mufti yang lain, namun beliau mempunyai pendirian dalam menegakkan hujah dan ini

membuktikan beliau adalah seorang yang berprinsip. Hal ini menjadikan beliau dihormati dan tidak dipandang rendah oleh masyarakat umum maupun pihak-pihak berkepentingan dalam institusi kerajaan. Menurut Mohd. Fauzi Hamat (2006), selain mufti Harussani begitu tegas dan berintegriti dalam kerjayanya, sifat kepimpinan beliau ini turut diterapkan dalam institusi keluarganya dalam mendidik anak-anak beliau khususnya dalam mendalami ilmu-ilmu agama. Menurut beliau, ilmu agama adalah paling penting dalam kehidupan seseorang muslim untuk berjaya di dunia maupun di akhirat di samping sebagai pembimbing seseorang daripada melakukan kemungkaran (Ahmad Wafi, 2023). Mufti Harussani merupakan tokoh agamawan yang disegani dengan sifat ketegasan dan kebijaksanaannya dalam selok-belok agama Islam. Hal ini menjadi tunjang dalam kepimpinan mufti Harussani dalam mendidik ahli keluarganya khususnya dalam pendidikan kerjaya.

## **ANALISIS KEPIMPINAN MUFTI HARUSSANI DALAM PENDIDIKAN KERJAYA**

Menurut Kamus Dewan Bahasa & Pustaka (2005) pendidikan membawa maksud didikan, latihan dan ajaran. Manakala Najeemah Md. Yusoff (2006) berpendapat bahawa pendidikan ialah pembangunan dan gaya pemikiran melalui pembelajaran yang merangkumi pendidikan formal dan pendidikan tidak formal. Menurut kajian Hendrik Ryan Puan Renna (2022) pula, pendidikan merupakan salah satu pengalaman yang dimiliki oleh manusia dalam membangunkan minda serta pembangunan jati diri. Pendidikan memainkan peranan penting apabila intipati itu berpotensi untuk mempengaruhi kehidupan manusia yang lebih baik dari sebelumnya. Manakala kerjaya pula adalah merujuk kepada rangkaian pekerjaan yang melibatkan seseorang individu (Tolbert, 1994). Oleh yang demikian, dapatlah difahami bahawa pendidikan kerjaya merupakan satu proses untuk manusia mengubah diri serta kehidupan masing-masing ke arah kebaikan samada melalui pendidikan formal maupun pendidikan tidak formal dengan tujuan untuk mencapai matlamat kerjaya yang dirancang. Sehubungan itu, kepimpinan mufti Harussani dari sudut pendidikan kerjaya dalam konteks institusi keluarga ini dapat dibahagikan kepada tiga iaitu, tidak mengongkong kerjaya anak-anak, bimbingan dan dorongan dalam kerjaya dan mengambil berat terhadap kerjaya anak-anak. Berikut adalah hasil dapatan umum terhadap ciri-ciri kepimpinan mufti Harussani terhadap pendidikan kerjaya dalam institusi keluarga:



### **Tidak Mengongkong Kerjaya Anak-Anak**

Menurut kamus Dewan Bahasa & Pustaka (2005), mengongkong bermaksud menghalangi kebebasan dan pergerakan. Oleh itu, perkataan ‘tidak mengongkong’ merujuk kepada sikap atau tindakan untuk tidak memaksakan pendapat atau kehendak seseorang kepada orang lain. Hal ini bermakna, memberi orang kebebasan untuk membuat keputusan dan bertindak sesuai dengan kehendak mereka sendiri tanpa tekanan atau pengaruh daripada orang lain. Tambahan lagi, ia diertikan dengan menghormati hak dan keputusan individu sambil mengelakkan tindakan yang membawa kepada paksaan atau manipulasi. Kerjaya juga asalnya suatu kebebasan, juga keseronokan bagi mengembangkan potensi diri untuk mencari minat dalam sesuatu pekerjaan (Sufean Hussin, 2005). Oleh yang demikian, ‘tidak mengongkong dalam kerjaya’ adalah menghormati kebebasan individu untuk membuat

keputusan dan bertindak mengikut kehendak mereka sendiri dalam memilih kerjaya. Ini membantu mewujudkan hubungan yang baik dan persekitaran yang menggalakkan kreativiti dan menyokong pertumbuhan peribadi dan profesional yang sihat.

Pendirian mufti Harussani dalam mengatur kerjaya anak-anaknya adalah dengan tidak memaksa mereka untuk mengikut pilihannya. Bahkan, beliau juga tidak menetapkan kerjaya khusus untuk anak-anaknya supaya mengikut kehendak beliau. Akan tetapi penerapan ilmu agama dalam institusi keluarga adalah menjadi keutamaan sebelum mengejar cita-cita dan kerjaya (Ahmad Wafi, 2023). Hal ini menunjukkan bahawa mufti Harussani menghargai hak anak-anaknya untuk membuat keputusan sendiri, bahkan setiap orang mempunyai hak untuk memilih dan bertindak mengikut perancangan mereka sendiri. Prinsip toleransi dan keadilan juga dilihat dalam pendirian mufti Harussani dalam mengatur kerjaya anak-anaknya. Beliau sendiri menunjukkan rasa hormat terhadap perbezaan dengan tidak memaksa anak-anaknya untuk mengikuti latar belakang pendidikannya.

Menurut Zainudin Abu Che' & Fazilah Tumin (2011), sikap ibu bapa adalah faktor utama pencapaian anak-anak di sekolah kerana melalui pencapaian pendidikan di sekolahlah mampu merancang bidang yang boleh diceburi oleh mereka apabila dewasa. Begitu jugalah dengan mufti Harussani yang mana beliau sendiri tidak mengongkong anak-anaknya untuk menceburi apa sekalipun bidang bermula di peringkat sekolah (Ahmad Wafi, 2023). Beliau juga tidak memaksa atau membatasi anak-anaknya bahkan memberikan kebebasan kepada anak-anaknya memilih, merancang dan menceburi bidang kerjaya yang mereka inginkan. Hal ini sekali gus dapat membantu mengurangkan risiko konflik yang mungkin disebabkan oleh tekanan atau usaha untuk memaksa pandangan, seterusnya boleh menjasaskan fokus mereka dalam memilih kerjaya yang sesuai dan bertepatan dengan minat dan bidang anak-anak (Ahmad Wafi, 2023).

Menurut Ahmad Wafi (2023), walaupun kebebasan memilih kerjaya adalah terletak kepada perancangan dan matlamat anak-anak, namun sebagai seorang bapa beliau juga turut tidak terkecuali dalam memberikan pandangan dan pendapat kepada anak-anaknya dalam memilih kerjaya. Pun begitu, pilihan kerjaya adalah terletak kepada anak-anak bagi membuat keputusan. Hal ini membuktikan bahawa mufti Harussani tidak mengatur dan mengongkong kerjaya anak-anaknya, bahkan beliau kerap menasihati anak-anaknya agar sentiasa menuntut ilmu bersungguh-sungguh hingga mencapai pendidikan yang terbaik dalam pelajaran mereka di sekolah. Ia bertujuan agar anak-anaknya mampu menyambung pelajaran di peringkat yang lebih tinggi dan memilih kerjaya yang sesuai dengan bidang yang diceburi (Ahmad Wafi, 2023). Sikap yang diterapkan oleh mufti Harussani ini adalah menggalakkan kebebasan berfikir, dan sikap hormat-menghormati. Perkara ini seharusnya bermula dari institusi keluarga dan semestinya dipelopori oleh ibu bapa. Menurut Izzah Nur Aida (2023), personaliti bapa adalah memainkan peranan yang besar dalam institusi keluarga yang bahagia.

### **Bimbingan dan Dorongan dalam Kerjaya**

Dorongan bermaksud galakan, anjuran, dan desakan (Kamus Dewan Bahasa & Pustaka, 2005). Manakala dorongan dalam konteks perbincangan ini adalah merujuk kepada membimbing anak-anak dalam kerjaya. Hal ini bermaksud bahawa anak-anak yang dibimbng itu adalah dengan menggunakan pelbagai cara bagi memastikan mereka mencapai cita-cita. Pembimbng mestilah berkebolehan dalam membimbng misalnya, apabila ditanyakan tentang sesuatu perkara, pembimbng mestilah mampu untuk mengeluarkan pendapat. Dalam sesebuah institusi keluarga, dorongan dari seorang yang dipercayai sangat penting supaya dapat melahirkan perasaan berani membuat keputusan, berdisiplin dalam segala tindakan. Tanpa dorongan, mereka tiada '*support system*' yang dapat menjadi tulang belakang dalam mencapai kerjaya. Salah satu hak anak-anak terhadap ibu bapa adalah hak anak-anak untuk mendapat bimbingan daripada mereka. Peranan ibu bapa sangat penting dalam mendorong

kejayaan anak-anak termasuklah kerjaya mereka. Anak-anak memerlukan sokongan dan dorongan dari aspek mental, spiritual mahupun fizikal (Farhana Yahya & Izwan Mahmud, 2021).

Hubungan kekeluargaan terutamanya ibu bapa sangat berkait rapat dan memberi pengaruh terhadap pemilihan kerjaya anak-anak. Ibu bapalah yang menjadi contoh dalam pemilihan kerjaya anak-anak mereka (Farhana Yahya & Izwan Mahmud, 2021). Dalam institusi keluarga, bapa adalah ketua dan pembimbing kepada kerjaya anak-anak. Namun, terdapat sesetengah keluarga yang mana ibu juga turut memainkan peranan dalam membimbing kerjaya anak-anak, tetapi dalam menjustifikasi sesuatu keputusan itu haruslah dibuat oleh bapa. Mufti Harussani merupakan seorang bapa yang sentiasa memberi dorongan kepada anak-anaknya dalam apa jua keadaan samada dari sudut pendidikan mahupun kerjaya. Beliau juga turut memberi dorongan dan membantu menyediakan alternatif supaya apa jua kerjaya yang diminati oleh anak-anak itu dapat dicapai. Mufti Harussani meletakkan harapan yang sangat tinggi untuk melihat anak-anaknya berjaya tidak kira apa-apa bidang yang mereka ceburi (Ahmad Wafi, 2023). Wahidin (2019) turut menyokong bahawa anak-anak memerlukan dorongan atau motivasi daripada ibubapa sebagai pendidik utama bagi keberhasilan pembelajaran yang turut memberi impak positif pada kerjaya mereka pada masa akan datang.

Selain itu, mufti Harussani juga sentiasa meraikan segala keinginan kerjaya anak-anaknya selagi mereka mempunyai cita-cita untuk belajar dalam mencapai matlamat tersebut. Mufti Harussani akan sentiasa berusaha untuk mencari haluan dan membuka jalan kepada mereka supaya mendapat peluang dalam meneruskan pelajaran, seterusnya membantu mencapai kerjaya yang anak-anaknya inginkan (Ahmad Wafi, 2023). Beliau sentiasa menyokong tindakan anak-anaknya dengan memberikan nasihat dan kata-kata semangat. Mufti Harussani menggunakan cara tersebut agar tidak dilihat seperti memaksa anak-anaknya tentang hala tuju kehidupan yang ingin mereka kecapi. Sebagai contoh, seorang anak pasti kadang kala mempunyai masalah dalam pembelajaran dan beliau tidak pernah memarahi anak-anaknya membuta tuli, malah beliau cuba menyelesaikan masalah anaknya itu dengan mencari solusi dalam membantu merealisasikan impian mereka (Ahmad Wafi, 2023). Walaupun beliau terlalu sibuk dengan kerjayanya sebagai mufti dan tempat rujuk oleh masyarakat umum, beliau juga sentiasa mencari jalan dan berusaha bagi memastikan anak-anaknya mendapat peluang pengajian dan juga kerjaya mengikut impian mereka. Hal ini membuktikan bahawa dorongan daripada ibubapa sedikit sebanyak mampu memberikan kesan kepada pemilihan sesuatu kerjaya anak-anak.

### **Mengambil Berat terhadap Kerjaya Anak-Anak**

Menurut kamus Dewan Bahasa & Pustaka (2005), ambil berat adalah memberi perhatian yang bersungguh-sungguh dalam sesuatu perkara. Penglibatan ibubapa dari sudut emosi dan dorongan merupakan peramal yang berpengaruh bagi anak-anaknya dalam membuat keputusan kerjaya (Norasmah othman, 2021). Setiap ibubapa pasti mahukan yang terbaik untuk anak-anaknya dan inilah bukti ambil berat mahupun keprihatinan yang diberikan oleh mereka dalam merancang kerjaya anak-anak. Harapan ini semestinya memerlukan pengorbanan ibubapa mendidik dengan penuh kasih sayang. Perkara yang perlu diambil perhatian oleh ibubapa ialah dari aspek pemantauan dan pengawasan, ataupun lebih dikenali sebagai prihatin terhadap anak-anak sehingga mereka dewasa (Khairul Azhar, 2017). Hal ini adalah bertujuan untuk tidak terlepas pandang sehingga memberikan kesan kepada anak-anak samada dari segi pembelajaran mahupun kerjaya yang mereka ingin kecapi. Kelekaan mengambil berat tentang anak-anak ini akan menyebabkan mereka membesar tanpa teguran untuk membetulkan kesalahan dan kesilapan mereka (Abdullah, 1994).

Mufti Harussani sangat dikenali dengan seorang yang sangat mengambil berat tentang kerjaya anak-anaknya. Ini merupakan sifat mulia yang perlu dicontohi kepada masyarakat agar anak-anak itu teratur dengan perancangan kerjaya mereka akan datang. Menurut Ahmad Wafi (2023), ambil berat mufti Harussani dari sudut ini dapatlah dibuktikan apabila beliau sentiasa berkomunikasi dengan anak-anaknya bagi mengenal pasti sebarang permasalahan yang berlaku samada dalam pendidikan dan kerjaya. Walaupun mufti Harussani seorang yang sibuk pada komitmen kerjayanya, beliau tidak pernah lupa untuk meluangkan masa dengan anak-anaknya bertujuan untuk menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi oleh mereka (Ahmad Wafi, 2023). Beliau bukan hanya mendengar masalah-masalah dan memberikan idea dan solusinya, malah beliau juga memberikan dorongan dan sokongan supaya apa-apa kerjaya yang hendak dicapai oleh anak-anaknya itu berjaya diperolehi dengan jayanya. Beliau sangat prihatin terhadap masa depan anak-anaknya sehingga beliau berusaha dengan bersungguh-sungguh mencari jalan penyelesaian bagi mencapai cita-cita kerjaya yang dikehendaki oleh anak-anaknya. Sebagai contohnya, beliau pernah turun ke lapangan untuk mencari apa-apa peluang kerjaya yang dikehendaki oleh anak-anaknya tanpa memikirkan penat lelah di tempat kerja, bahkan kesibukkan berganda sebagai pemimpin agama Islam iaitu mufti di negeri Perak (Ahmad Wafi, 2023).

Memandangkan masa dan tugas mufti Harussani yang begitu padat, beliau selalunya akan mencuri masa pada waktu minum petang untuk menghabiskan masa bersama keluarga (Ahmad Wafi, 2023). Pada waktu inilah beliau akan berborak dan mengenal pasti setiap masalah anak-anaknya sebagai bukti prihatinnya kepada kerjaya mereka. Sikap ambil berat beliau inilah antara faktor yang menjadi asbab kejayaan anak-anaknya pada hari ini. Menurut Ahmad Wafi (2023), ayahnya sentiasa mengingatkan anak-anak supaya sentiasa berusaha bersungguh-sungguh dalam apa-apa jua perkara samada dalam pembelajaran mahupun kerjaya yang dikehendaki walaupun setiap manusia itu terdapat kelemahan dan kekurangannya. Hal ini menunjukkan bahawa mufti Harussani tidak pernah melemahkan atau memandang rendah pada kekurangan yang ada pada setiap diri anak-anaknya, malah beliau sentiasa memberi sokongan dan panduan kepada mereka. Sifat peribadi yang telah diterapkan oleh mufti Harussani ini haruslah dijadikan contoh kepada para ibubapa dalam merancang kerjaya anak-anak. Sikap mengambil berat dan prihatin kepada kerjaya anak-anak adalah menjadi dorongan yang kuat bagi menjamin masa depan mereka. Hal ini penting agar anak-anak tidak terasa tersisih dan bersendirian dalam membuat apa-apa keputusan dalam kehidupan mereka.

## KESIMPULAN

Mufti Harussani merupakan seorang tokoh berwibawa apabila dilantik sebagai mufti negeri Perak Darul Ridzuan hampir 40 tahun lamanya. Ketokohan mufti Harussani dalam memimpin hal ehwal agama Islam di negeri Perak menjadikan beliau dihormati dan disanjung tinggi di mata masyarakat. Kehebatan tokoh ini tidak dapat disangkal lagi apabila beliau telah menerima anugerah Tokoh Ulama Sepanjang Zaman yang diumumkan dalam Majlis Perdana Ulama-Umara dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) Islam pada tahun 2017. Sifat kepimpinan beliau bukan sahaja terserlah dalam kerjayanya sahaja sebagai pemimpin agama di negeri Perak, bahkan dijadikan contoh wibawa dalam memimpin ahli keluarga khususnya dalam aspek pendidikan kerjaya. Pendidikan kerjaya merupakan satu proses untuk manusia mengubah diri serta kehidupan masing-masing ke arah kebaikan samada melalui pendidikan formal mahupun pendidikan tidak formal dengan tujuan untuk mencapai matlamat kerjaya yang dirancang. Oleh yang demikian, kepimpinan mufti Harussani dari sudut pendidikan

kerjaya dalam konteks institusi keluarga ini dapat dibahagikan kepada tiga iaitu, tidak mengongkong kerjaya anak-anak, bimbingan dan dorongan dalam kerjaya dan mengambil berat terhadap kerjaya anak-anak. Sehubungan itu, kajian ini mencadangkan agar kajian lanjutan diteruskan bagi mendalami lebih banyak aspek yang boleh dijadikan contoh dalam kehidupan terhadap kepimpinan peribadi tokoh wibawa mufti Harussani.

## RUJUKAN

- Ahmad Wafi Harussani. (2023, Ogos 07). Kepimpinan Mufti Harussani terhadap Pendidikan Kerjaya dalam Institusi Keluarga. [Interview].
- Bahagian Unit Fatwa Dan Istimbah t.th Fikrah Mufti. (n.d.) (2023). Jabatan Mufti Perak.
- Bin Roslan, M. M. (2023). Hubungan Kesan Psikologi dan Masalah Sosial dengan Teori Hifz Al-Nafs dalam Fatwa Penamaan Nasab Anak Tak Sah Taraf: Analisis Fatwa Kebangsaan: The Relationship of Psychological Effects and Social Problems with Hifz Al-Nafs Theory in The Fatwa on the Named Lineage of Illegitimate Children: National Fatwa Analysis. *Jurnal Pengajaran Islam*, 16(1), 86–100. <https://doi.org/10.53840/jpi.v16i1.240>
- Cohen, L., Manion, L. & Morrisson. (2000). Research Methods in Education. 2nd ed. Croom Helm, London.
- Creswell, J. W. (2002). Research Design: Qualitative and Quantitative Approaches. n.d. United Kingdom Sage, London.
- Creswell, J. W. (2009). Qualitative Inquiry and Research Design: Choosing Among Five Approaches. n.d. Thousand Oaks, CA, Sage.
- Eddy, P.L. (2013). Developing leaders: The role of competencies in rural community colleges. *Community College Review* 41(1): 20-43.
- Ghazali, D. & Sufean, H. (2021). Metodologi Penyelidikan dalam Pendidikan Amalan dan Analisis Kajian. 3rd ed. Universiti Malaya (UM).
- Hayati Ibrahim. (2017). Harussani Diumum Tokoh Ulama Sepanjang Zaman. *Harian Metro*.
- Hendrik Ryan Puan Renna. (2022). Konsep Pendidikan Menurut John Locke dan Relevansinya bagi Pendidikan Sekolah Dasar di Wilayah Pedalaman Papua. *Jurnal Papeda*.
- Kamaruddin Salleh & Nurul Athirah Muhammad Anuar. (2022). Pemikiran Islam (Allahyarham) Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Haji Harussani Bin Haji Zakaria. Master Candidate at The Research Centre for Theology & Philosophy, Faculty of Islamic Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, Bangi, Selangor, Malaysia.
- Kamus Dewan Bahasa. (2015), 4th ed. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Khairul Azhar Meerangani. (2017). Kaedah Pembentukan Karakter Anak-Anak Menurut Islam: Analisis Surah Luqman.
- Mei, F., Mydin Kutty, F. and Othman, N. (2021). Penglibatan Ibu bapa dan Efikasi Kendiri Murid Sekolah Menengah dalam Membuat Keputusan Kerjaya. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(9), pp. 230 - 240. doi: 10.47405/mjssh.v6i9.1023.
- Mohd. Fauzi Hamat, Mohd Fakhruddin Abd. Mukti, Che Zarina Sa'ari. (2006). Pemikiran Islam Dan Cabaran Semasa. Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam Akademi Pengajian Islam Universiti Malaysia: Kuala Lumpur.
- Muhammad Khairi Mahyuddin (2018). Kepimpinan Berdasarkan Kecerdasan Hati Dalam Islam. *Jurnal Teknologi Pendidikan Madrasah (JTPM)*. (2018)1 (1), 1-8.
- Mustaqim Roslan, M. (2023). Kaedah Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) dan Kesannya Kepada Murid Tahap Satu di Malaysia: Analisis Subjek Pendidikan Islam.
- Najeemah Md. Yusof. 2006. Konsep Pendidikan. PTS Profesional Publishing Sdn. Bhd.
- Nur Aida , I., & Hanim Hamsiah, S. (2015). Personaliti Bapa daripada Perspektif Islam. GJAT.
- Nurul Farhana Yahya, Mohd Izwan Mahmud (2021). Pengaruh Hubungan Ibu Bapa Terhadap Minat Anak. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

- Patton, Q. M. (2002). Qualitative Evaluation Methods. n.d. Beverly Hill California, Sage Publication.
- Puan Renna, H. R. (2022, January 31). Konsep Pendidikan Menurut John Locke dan Relevansinya bagi Pendidikan Sekolah Dasar di Wilayah Pedalaman Papua. Jurnal Papeda: Jurnal Publikasi Pendidikan Dasar.
- Roslan, M. M., & Zainuri, A. O. . (2023). Kekhilafan Menerapkan Maqasid Syari'ah Dalam Pengeluaran Fatwa: Analisis Ijtihad Maqasidi: Arguments In Applying Maqasid Syari'ah In The Fatwa Issuance: An Ijtihad Maqasidi Analysis. Journal of Fatwa Management and Research, 28(1), 132-148. Retrieved from: <https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol28no1.464>
- Roslan, M. M., & Osman Zainuri, A. (2023). Teori Hifz Al-Nafs Dalam Maqasid Syariah: Analisis Pendalilan: The Theory of Hifz Al-Nafs In Maqasid Syariah: Argumentation Analysis. Journal of Muwafaqat, 6(1), 1–13. Retrieved from: <https://doi.org/10.53840/muwafaqat.v6i1.121>
- Roslan, M. M. (2023). Metodologi Pendalilan terhadap Fatwa Pensabitan Nasab Anak Tak Sah Taraf di Malaysia: Analisis Penamaan kepada Abdullah: Argument Methodology Against Fatwa Conviction of Illegitimate Children's Lineage in Malaysia: Analysis of the Appointment Name to Abdullah. Journal of Muwafaqat, 6(2), 19–34. Retrieved from: <https://muwafaqat.kuis.edu.my/index.php/journal/article/view/140>
- Roslan, M. M. (2023). Pentarjihan Fuqaha Terhadap Penamaan Nasab Anak Tak Sah Taraf Kepada Bapa Biologi: Analisis Fatwa Negeri Perlis. Journal of Contemporary Islamic Studies, 9(2), 1-15. Universiti Teknologi Mara (UITM).
- Roslan, M. M. (2022). The Problem of Depression Regarding the Namement of Illegitimate Children's Lineage to Abdullah: National Fatwa analysis. Firdaus Journal, 2(2), 31–42. Retrieved from: <https://doi.org/10.37134/firdaus.vol2.2.4.2022>
- Roslan, M. M. (2023). Symptoms of Social Problems Regarding the Named Lineage of Illegitimate Children to Abdullah: National Fatwa Analysis. Firdaus Journal, 3(1), 39–50. Retrieved from: <https://doi.org/10.37134/firdaus.vol3.1.5.2023>
- Roslan , M. M. (2023). Teori Hifz Al-Nafs dalam Islam: Analisis Pendalilan: [The Theory of Hifz Al-Nafs in Islam: An Argumentative Analysis]. KQT Ejournal, 22–34. Retrieved from: <http://ejurnal.kqt.edu.my/index.php/kqt-ojs/article/view/68>
- Tolbert, E.L. (1974). Counseling for Career Development. Bonson: Houghton Mifflin Company.
- Wahidin. (2019). Peranan Orang Tua dalam Menumbuhkan Motivasi Belajar Pada Anak Sekolah Dasar.
- Widya Lestari, Sitti Nursetiawati, Vera Utami GP. (2015). Hubungan Antara Keterlibatan Ayah Dengan Pembentukan Karakter Pada Remaja.
- Zainudin Abu Bakar, Fazilah Tumin. (2011). Hubungan Antara Minat Pelajar dan Sikap Ibu Bapa Dengan Prestasi Matematik Terbaik Pelajar. Journal of Educational Psychology and Counseling. volume 1 Mac 2011, Pages 25-43 / ISSN: 2231-735X.